

# Padah pemanasan global

## Berjuta-juta penduduk derita akibat banjir lebih seminggu

**N**EW DELHI: Hampir semua ceruk dunia kini tidak terkecuali daripada padah bencana alam akibat pemanasan global berikutan kejadian banjir yang menjejaskan kawasan dari China, Vietnam, Pakistan, India, Australia sehingga ke Amerika Syarikat sejak lebih seminggu lalu.

Di **MUMBAI**, banjir lumpur akibat monsun dan hujan lebat meragut sekurang-kurangnya 12 nyawa di barat India sepanjang hujung minggu lalu selain air menenggelamkan bandar ini yang juga pusat kewangan dan hiburan, kata pegawai kerajaan semalam.

Semua kematian dilaporkan di daerah Amravati, kira-kira 700 kilometer ke timur laut bandar ini, ibu kota negeri Maharashtra, kata P Kamath, pegawai pengurusan bencana negeri.

Banjir menyebabkan beberapa perkampungan dan bandar di tepi pantai seperti Raigad dan Ratnagiri terputus Sabtu lalu, kata Kamath. Beribu penduduk bandar ini mengharungi air separas lutut di beberapa bahagian di tengah dan pinggir daerah selepas hujan lebat Sabtu lalu mengganggu landasan kereta api dan laluan udara selama beberapa jam.

"Kami sudah muak dengan air hujan memasuki rumah kami setiap tahun," kata Kaushal Sharma, seorang pengimpal yang sedang menunggu bas ke ibu kota ini semalam.

"Bila kerajaan akan berbuat sesuatu untuk menghentikan bencana ini?" katanya.

Di **QUETTA**, Pakistan, negara jiran India, paras air di beberapa kawasan yang dilanda banjir sejak minggu lalu mulai surut dan memudahkan pasukan penyelamat ke kawasan yang terputus selama beberapa hari.

Pakistan dilanda permulaan awal musim hujan ribut dan banjir sementara keadaan buruk berkenaan turut menjejaskan Afghanistan dan India. Kira-kira 600 penduduk terbunuh di seluruh kawasan terbabit sejak 10 hari lalu.

Kawasan yang paling teruk terjejas ialah selatan Pakistan. Puting beliung minggu lalu membawa hujan dan banjir di kawasan rendah terutama di wilayah Baluchistan.

Puting beliung dan banjir paling buruk di wilayah itu sejak hampir 100 tahun lalu dan menjejaskan sehingga dua juta penduduk dan membunuh kira-kira 110 orang. Dianggarkan 250,000 orang hilang tempat tinggal.

Puting beliung dilaporkan tiga hari selepas angin kuat dan hujan yang menyebabkan kira-kira 230 orang penduduk di selatan Karachi, maut, kata timbalan pesuruhjaya bantuan wilayah, Ali Gul Kurd.

"Paras air semakin menurun dan kami perlahan-lahan ke hampir ke kawasan yang paling teruk terjejas," kata Kurd kepada Reuters.

Tentera juga membantu usaha menyelamatkan dengan menggunakan pesawat kargo C-130 dan lebih berpuluh helikopter menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan serta membantu.

Mereka yang hilang tempat tinggal

memenuhi kawasan sekolah yang dijadikan kem penempatan sementara tetapi Kurd berkata, mereka tidak mempunyai khemah.

Banjir terbabit adalah terburuk di Pakistan sejak 1992 yang juga bencana alam keuda melanda negara itu dalam masa 20 bulan. Negara itu dilanda gempa bumi di kawasan pergunungan utara Oktober 2005 lalu yang membunuh 73,000 penduduk.

Di **WASHINGTON**, kejadian banjir itu meragut sekurang-kurangnya 11 nyawa manakala hampir 5,000 penduduk di sebuah kawasan Kansas diarah berpindah selepas air dua sungainya melimpah.

Anggota Pengawal Kebangsaan Kansas terpaksa terbabit dalam usaha menyelamatkan di Osawatomie, ke timur negeri itu yang menjadi antara kawasan paling buruk terjejas.

"Saya tidak tahu apa yang mahu dilakukan selepas ini," kata pesara

Claude Blackmon, 65, yang hanya mampu menyelamatkan beberapa dokumen penting dari rumah mudah alihnya yang dihuni sejak dua tahun lalu selepas kematian isteri.

Ribut kencang itu sudah meragut 11 nyawa di utara dan tengah Texas sejak dua minggu lalu. Pihak berkuasa masih mencari seorang lelaki 20 tahun yang hilang selepas kenderaan pacuan empat rodanya dibawa arus, Khamis lalu.

Presiden George W Bush mengisytiharkan Texas sebagai kawasan bencana Jumaat lalu. Sejumlah 37 mukim di sekitar Texas turut terbabit dalam perisytiharan berkepaan.

Di **BEIJING**, sekurang-kurangnya sembilan orang maut di kawasan tengah dan tenggara China berikutan ribut kencang yang melanda beberapa kawasan, bulan lalu.

Pihak berkuasa turut memberi amaran ancaman banjir berterusan dalam beberapa minggu akan datang.

Wilayah Hubei menjadi kawasan paling teruk terjejas apabila tujuh mangsa maut dibawa banjir kilat, lapor akhbar *People's Daily*. China sememangnya dilanda musim banjir pada Mei sehingga September, setiap tahun.

Di **VIETNAM**, tiga beranak maut ketika tidur nyenyak kelmarin selepas dihempap batu bata akibat angin kencang dan hujan lebat, kata Nguyen Van Duc, pegawai bencana di wilayah Quang Ninh.

"Sewaktu ditemui, mulut ibu dan dua anaknya itu dipenuhi air dan gagal diselamatkan," katanya. - Agensi





**TERPERANGKAP:** Seorang penduduk mampu melihat banjir melanda kawasan sekitar rumahnya di wilayah Xiangfan, tengah Hubei.